SULIT
2280/2
GEOGRAFI
KERTAS 2
NOVEMBER
2001
2 JAM

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN TERENGGANU**
***DENGAN KERJASAMA***
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

# PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001

**TINGKATAN EMPAT**

# GEOGRAFI

## KERTAS 2

**Dua jam**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*Arahan*

1. *Jawab empat soalan semuanya, dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B*

2. *Markah akan diberi bagi peta dan gambar rajah yang sesuai.*

3. *Peta yang diberi dalam kertas soalan ini, jika digunakan hendaklah diceraikan daripada kertas soalan ini dan diikat bersama-sama kertas jawapan yang lain.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

 © 2001 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

## Bahagian A

## (Malaysia)

*Jawab* **dua** *soalan daripada bahagian ini*

1. (a) Jelaskan sumbangan laut kepada negara kita Malaysia [8 markah]

   (b) Terangkan bagaimana laut di negara kita dicemari [9 markah]

   (c) Nyatakan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan laut di negara kita Malaysia [8 markah]

| Bulan | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Hujan (mm) | 142 | 150 | 222 | 274 | 186 | 110 | 102 | 148 | 174 | 260 | 236 | 230 |

Hujan Tahunan Di Kuala Lumpur

2. (a) Dengan menggunakan skala 1 sm mewakili 20 mm hujan, lukis **histogram** yang menunjukkan taburan hujan di Kuala Lumpur [9 markah]

   (b) Mengapakah kejadian banjir kilat sering berlaku di Lembah Kelang sejak kebelakangan ini? [9 markah]

   (c) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan berlakunya kejadian banjir kilat tersebut. [7 markah]

3. (a) Di atas Peta No. 1 (Malaysia), namakan:

   (i) Hutan yang bertanda H1 dan H2 di Semenanjung Malaysia
   (ii) Hutan yang bertanda H3 di Sarawak
   (iii) Hutan yang bertanda H4 di Sabah
   (iv) Taman Negara yang bertanda T1 di Sarawak [5 markah]

   (b) (i) Huraikan tentang ciri-ciri hutan hujan tropika [7 markah]
   (ii) Apakah sumbangan hutan hujan tropika kepada negara Malaysia? [7 markah]

   (c) Mengapakah jenis hutan berbeza mengikut tempat di Malaysia? [6 markah]

[Lihat sebelah

| Bahan pencemar / Kawasan | Karbon Monoksida | Hidrokarbon | Oksida Nitrogen | Oksida Sulfur | Habuk Debu |
|---|---|---|---|---|---|
| Georgetown – Butterworth | 125 | 67 | 38 | 25 | 10 |

Angka dalam tan setahun

4. (a) Dengan menggunakan skala 1 sm mewakili 10 tan, lukiskan sebuah **graf garisan** untuk menunjukkan keadaan udara yang tercemar dalam jadual di atas. [8 markah]

(b) (i) Huraikan punca-punca berlakunya pulau haba bandar di Malaysia [5 markah]

(ii) Nyatakan kesan-kesan jerebu kepada alam sekitar [6 markah]

(c) Terangkan proses pembentukan hujan asid [6 markah]

## Bahagian B

## (Malaysia dan Negara Luar)

*Jawab* **dua** *soalan daripada bahagian ini*

5. (a) Di atas Peta No. 2 (Asia Tenggara), namakan

(i) Sungai yang bertanda S1 dan S2
(ii) Tumbuhan semulajadi di kawasan berlorek
(iii) Bahan eksport utama negara X
(iv) Angin yang membawa hujan lebat pada bulan November hingga Febuari. [5 markah]

(b) Sungai memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Terangkan sumbangan sungai dalam kehidupan manusia [10 markah]

(c) Perkembangan dan kemajuan dalam kehidupan manusia telah mengancam sungai. Huraikan bagaimana masalah ini berlaku. [10 markah]

[Lihat sebelah

6. (a) Jelaskan bagaimana tindakan manusia menyebabkan pencemaran udara [6 markah]

(b) Nyatakan kesan-kesan berikutan proses pencemaran udara [6 markah]

(c) Terangkan langkah-langkah yang diambil oleh negara-negara dunia untuk mengawal

(i) Kesan rumah hijau
(ii) Penipisan lapisan ozon [13 markah]

| Sektor ekonomi | 1975 | 1980 | 1985 | 1990 | 1995 |
|---|---|---|---|---|---|
| Pembalakan | 217 | 335 | 367 | 352 | 340 |
| Pertanian | 195 | 250 | 375 | 453 | 362 |
| Pelancongan | 62 | 77 | 89 | 125 | 194 |
| Perlombongan | 197 | 173 | 151 | 139 | 118 |

Juta Bath

Sumbangan sektor ekonomi kepada Pendapatan Negara Thailand dari tahun 1975 hingga 1995

7. (a) Berdasarkan jadual di atas, huraikan pola perubahan sumbangan sektor ekonomi kepada pendapatan negara Thailand dari tahun 1975 hingga ke tahun 1995. [10 markah]

(b) Bagaimanakah kegiatan manusia telah menyebabkan proses hakisan tanih bertambah giat. [8 markah]

(c) Huraikan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kadar hakisan tanih. [7 markah]

[Lihat sebelah

*'Kegiatan ekonomi manusia dikatakan punca utama keseimbangan ekosistem di sesebuah hutan terganggu'*

8 (a) (i) Huraikan apakah komponen-komponen dalam sesuatu ekosistem [5 markah]

(ii) Jelaskan dengan ringkas mengenai ekosistem hutan hujan tropika [5 markah]

(b) (i) Huraikan kesan-kesan pembalakan terhadap alam sekitar [7 markah]

(ii) Apakah langkah-langkah yang diambil supaya sumber hutan tidak pupus [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

No. Kad Pengenalan :.................................. Angka Giliran : ................................

AKHIR TAHUN GEOGRAFI 2

Peta No. 1 untuk Soalan No. 3 Okt/Nov 2001

(hendaklah diikat dengan jawapan lain)




MALAYSIA

PETUNJUK

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| H1 | | H3 | | | |
| H2 | | H4 | | T1 | |

Nama : ........................................................... Tingkatan : ..........................

No. Kad Pengenalan : ................................. Angka Giliran : ..............................

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN EMPAT**
**2001**

Peta No. 2 untuk soalan No. 5
(Hendaklah diikat bersama-sama dengan jawapan lain)

Tajuk:




| Sungai | | Tumbuhan Semula jadi | | Bahan Eksport | |
|---|---|---|---|---|---|
| S1 | | | | X | |
| S2 | | | | | |
| Nama Angin | | | | | |